ISSN 2180-3684 • Bil 08/13
KKDN: PP 16897/05/2013 (032581)

RINGGIT

RAKAN KEWANGAN ANDA

OGOS 2013



Memperkukuh Amalan Pembiayaan yang Bertanggungjawab

ISSN 2180-3684
9 772180 368003

GABUNGAN PERSATUAN-PERSATUAN PENGGUNA MALAYSIA
FOMCA

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Sidang Redaksi

Penasihat
Datuk Dr. Marimuthu Nadason
Presiden FOMCA

Ketua Sidang Pengarang
Dato' Paul Selva Raj

Editor
Mohd Yusof bin Abdul Rahman

Sidang Pengarang
Siti Rahayu binti Zakaria
Nurul Husna Mohd Yusof

Ringgit merupakan penerbitan usaha sama di antara Bank Negara Malaysia dan FOMCA. Ia diterbitkan pada setiap bulan. Untuk memuat turun Ringgit dalam format "PDF", sila layari laman sesawang www.fomca.org.my dan www.bnm.gov.my

Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia
No. 1D-1, Bangunan SKPPK Jalan SS9A/17
47300 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-7876 2009
Faks : 03-7877 1076
E-mel : fomca@fomca.org.my
Sesawang: www.fomca.org.my

Bank Negara Malaysia
Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur
Tel :03-2698 8044
Faks : 03-2174 1515

Diurus terbit oleh:
Pusat Penyelidikan dan Sumber Pengguna (CRRC)
No. 1D-1, Bangunan SKPPK Jalan SS9A/17
47300 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-7875 2392
Faks : 03-7875 5468
E-mel : info@crrc.org.my
Sesawang: www.crrc.org.my

Dicetak oleh:
فرچيتمكن اساس جاي (مليسيا) سندريان برحد
Percetakan Asas Jaya (M) Sdn Bhd
No. 5, Jalan Pipit 2
Bandar Puchong Jaya
47100 Puchong Jaya
Selangor Darul Ehsan

Artikel yang disiarkan dalam Ringgit tidak semestinya mencerminkan pendirian dan dasar Bank Negara Malaysia atau FOMCA. Ia merupakan pendapat penulis sendiri.



Memperkukuh Amalan Pembiayaan yang Bertanggungjawab

Bank Negara Malaysia telah mengumumkan pelaksanaan satu set langkah yang bertujuan untuk mengelak hutang isi rumah yang berlebihan dan memperkukuh amalan pemberian pinjaman yang bertanggungjawab oleh pemberi kredit utama.

Langkah-langkah ini ialah:

- Tempoh pinjaman maksimum selama 10 tahun untuk pembiayaan bagi kegunaan peribadi.
- Tempoh pinjaman maksimum selama 35 tahun untuk pembiayaan bagi pembelian harta kediaman dan bukan kediaman.
- Larangan menawarkan produk pembiayaan peribadi yang diluluskan terlebih dahulu.

Meskipun disokong oleh pendapatan dan keadaan guna tenaga yang positif, namun sejak akhir-akhir ini, terdapat peningkatan trend dalam penawaran produk kewangan yang tidak mengambil kira kepentingan pengguna dalam jangka panjang. Ini termasuk tempoh pembiayaan yang dilanjutkan hingga 45 tahun bagi pembiayaan rumah dan 25 tahun bagi pembiayaan peribadi. Walaupun tempoh pembiayaan yang lama ini mengurangkan pembayaran balik bulanan, namun dalam jangka panjang, pembiayaan ini meningkatkan beban hutang isi rumah secara keseluruhan. Amalan seperti ini menggalakkan pengumpulan hutang yang berlebihan oleh isi rumah dan meningkatkan kelemahan sektor ini.

Langkah Bank Negara Malaysia tersebut merupakan langkah awal pencegahan bagi mengelak berlaku kemungkinan krisis hutang seperti mana berlaku di Amerika Syarikat. Keadaan ini dapat mengelakkan berlaku kemelesatan ekonomi negara yang lebih kritikal untuk tempoh kurang daripada tiga tahun yang akan datang. Menurut Bank Negara Malaysia, hutang isi rumah berbanding Kadar Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) meningkat purata 12 peratus setahun sejak lima tahun lalu dan berada pada paras 82.9 peratus setakat akhir Mac 2013, paras tertinggi bagi negara-negara membangun di Asia (Singapura dan Hong Kong masing-masing mencatatkan 67% dan 59% daripada KDNK). Pertumbuhan ini tidak selaras dengan peningkatan pendapatan yang dicerminkan oleh pertumbuhan KDNK, iaitu antara empat hingga enam peratus.

Langkah ini dilakukan memandangkan kadar hutang isi rumah pada masa ini berada tahap yang membimbangkan. Kajian Pusat Pendidikan dan Penyelidikan Pengguna (CRRC) yang dijalankan pada tahun 2012 menunjukkan lebih kurang 47% pekerja muda mempunyai hutang yang serius, iaitu lebih daripada 30% daripada gaji bulanan digunakan untuk membayar hutang. Kajian juga mendapati 37% pekerja muda mengaku bahawa mereka berbelanja melebihi tahap kemampuan. Hal ini merupakan salah satu penyebab utama mengakibatkan seseorang menghadapi masalah dalam pengurusan kewangan.

Semua segmen masyarakat, termasuk mereka yang masih muda dan meminjam buat kali pertama daripada institusi kewangan harus diberi persediaan mengenai pendidikan pengurusan kewangan agar mereka tidak terbeban dengan masalah hutang yang serius dan akhirnya menjadi muflis. Jabatan Insolvensi Malaysia melaporkan sebanyak 37,493 kes individu berumur 25 hingga 44 tahun diisytiharkan bankrap. Sebanyak 29,338 kes melibatkan hutang pinjaman kenderaan, diikuti dengan 15,299 kes melibatkan pinjaman peribadi.

Pengurusan kewangan seharusnya bermula sejak dari kecil dan institusi kekeluargaan perlu mendidik anak-anak mereka dengan amalan menabung.



Ingat, simpan sedikit, lama-lama menjadi bukit! Nilai wang yang dimiliki pada masa sekarang jauh lebih bernilai berbanding dengan wang pada masa akan datang. Oleh itu, tabungan perlu ditingkatkan, di samping memilih pelaburan yang terbaik untuk simpanan jangka masa panjang. Golongan muda perlu didedahkan dengan maklumat dan kesan apabila mereka membuat pinjaman. Apabila membuat pinjaman, terdapat beberapa faktor yang perlu dipertimbang, antaranya tujuan pinjaman, kemampuan membayar balik pinjaman, tempoh pinjaman, kadar faedah dan syarat serta terma pinjaman. Mereka perlu mengutamakan pembelian barangan untuk keperluan dan menangguhkan barangan untuk memenuhi kehendak.

Langkah-langkah di atas akan membendung hutang isi rumah dan menggalakkan pembiayaan bertanggungjawab serta pertumbuhan kredit pengguna yang mampan.

Sumber: FOMCA/konsumerkini.net.my

Laman Berita Pengguna
KonsumerKINI
TERKINI, SEMASA & TEPAT
www.konsumerkini.net.my

Portal berita ini bertujuan untuk menyalurkan pandangan-pandangan dan komen berkaitan dengan isu-isu kepenggunaan semasa untuk digunakan oleh media, pihak-pihak yang berkepentingan dan juga rakyat secara umum.

KonsumerKINI adalah peluang untuk pengguna di Malaysia untuk mendapatkan maklumat TERKINI yang perlu untuk menyokong usaha mereka menjalankan kehidupan sebagai pengguna berhemat iaitu prihatin terhadap diri sendiri, keluarga, masyarakat, negara, alam sekitar dan generasi masa depan.

Program Pengurusan Kredit AKPK (PPK)



Terasa bingung memikirkan hutang yang tidak terurus? Seringkali diganggu oleh para pemungut hutang? Seringkali risau mengenai wang ringgit? Semua individu yang berada dalam situasi sedemikian disarankan supaya mendapatkan bantuan perkhidmatan kaunseling kredit dan program pengurusan kredit daripada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) di mana-mana sebelas (11) cawangan dan juga di sembilan (9) pejabat kaunseling di seluruh negara.

Semua perkhidmatan AKPK adalah secara **percuma** kepada orang ramai.

Kaunseling Kewangan

Di AKPK, kaunselor akan berbincang secara bersemuka bersama-sama anda di dalam bilik kaunseling. Di situ, kaunselor akan mengenal pasti kedudukan aliran tunai dan menganalisis kewangan anda.

Program Pengurusan Kredit (PPK)

Sekiranya anda mengalami kesukaran dalam membayar balik semua ansuran bulanan pinjaman, tetapi pada masa yang sama, anda mempunyai pendapatan bersih yang positif, maka anda boleh mendaftar dengan PPK di AKPK.

PPK boleh membantu menstruktur semula tanggungan pinjaman anda yang disediakan oleh penyedia-penyedia kredit seperti berikut:

- Semua bank komersil.
- Semua bank islam.
- Semua syarikat insurans.
- Semua pengendali takaful.
- Institusi-institusi kewangan pembangunan.
- Pengeluar-pengeluar kad kredit dan kad caj.

Apakah PPK di AKPK?

Satu pelan pembayaran hutang individu khusus dirangka untuk anda setelah dipersetujui oleh penyedia-penyedia kredit anda.

Kelebihan-kelebihan PPK

- Terma-terma pembayaran semula yang berpatutan berdasarkan aliran tunai semasa.
- Tempoh penangguhan sementara daripada tindakan undang-undang.
- Pemberhentian panggilan telefon dan kacau ganggu daripada para pemungut hutang.
- Mengembalikan semula nikmat kehidupan anda dari sudut kewangan.

Syarat-syarat untuk memasuki PPK

Anda:

- tidak berada dalam tindakan undang-undang pada tahap lanjut.
- bukan seorang bankrap / muflis.
- mempunyai jumlah hutang tidak lebih daripada RM2 juta.
- mempunyai sumber pendapatan bersih yang positif dan mencukupi untuk pembayaran PPK. (mempunyai pendapatan lebihan setelah ditolak dengan perbelanjaan asas dan mencukupi untuk pembayaran PPK).



Sekiranya anda mengalami kesukaran dalam membayar balik semua ansuran bulanan pinjaman, tetapi pada masa yang sama, anda mempunyai pendapatan bersih yang positif, maka anda boleh didaftarkan dalam PPK di AKPK.

Proses PPK

- Merujuk kepada kaunselor mengenai kedudukan kewangan anda untuk mengenal pasti semua perbelanjaan bulanan dan mengenali potensi serta ruang penjimatan.
- Mengisytiharkan semua kemudahan pinjaman dan baki pinjaman terkini anda.
- AKPK sebagai perantara akan berunding bagi pihak anda dengan semua penyedia kredit anda.
- Selepas itu, AKPK akan mengeluarkan surat pengesahan setelah semua penyedia kredit anda bersetuju dengan cadangan PPK yang dikemukakan.
- Penyedia-penyedia kredit anda mungkin memerlukan anda menandatangani surat tawaran tambahan setelah berjaya mendaftar dalam PPK.

Dokumen-dokumen yang diperlukan

- Laporan Kredit CCRIS yang terkini daripada Bank Negara Malaysia (BNM).
  (Nota: AKPK boleh membantu anda mendapatkan Laporan Kredit CCRIS setelah anda melengkapkan borang CBS 01 dan menyediakan satu salinan kad pengenalan serta dua (2) dokumen lain seperti lesen memandu dan bil-bil utiliti.)
- Penyata-penyata pinjaman terkini daripada setiap penyedia-penyedia kredit.
- Jika bekerja, slip gaji terkini.
- Jika bekerja sendiri, sediakan bukti pendapatan seperti penyata akaun bank dan lain-lain.
- Penyata KWSP terkini, jika melibatkan penstrukturan pinjaman perumahan.
- Dokumen-dokumen tindakan undang-undang, sekiranya ada.
- Penyata Cukai Pendapatan, sekiranya ada.

Taklimat Awam (tidak diwajibkan)

- AKPK ada mengendalikan sesi taklimat awam menerangkan mengenai PPK selama sejam, termasuk sesi soal jawab di Ibu Pejabat AKPK.

- Jadual sesi Taklimat Awam di Ibu Pejabat AKPK adalah seperti berikut:
  - **Setiap Isnin hingga Khamis : 10.00 pagi, 12.00 tengah hari & 3.00 petang**

Sesi taklimat awam juga ada disediakan di cawangan AKPK seperti di: Pulau Pinang, Johor Bahru, Melaka, Kuching dan Kota Kinabalu.



- **Setiap Jumaat: 10.00 pagi & 12.00 tengah hari**
- *Kecuali cuti-cuti umum*

- Sesi taklimat awam juga ada disediakan di cawangan AKPK seperti di: Pulau Pinang, Johor Bahru, Melaka, Kuching dan Kota Kinabalu. Sila rujuk kepada *http://www.akpk.org.my/services/debt-management/briefing-schedule* untuk jadual taklimat terkini di cawangan berkenaan.
  Nota: Untuk cawangan yang tiada kemudahan taklimat awam, anda boleh berhubung secara terus dan menghadiri sesi kaunseling dengan kaunselor di cawangan berkenaan.

Dalam keadaan bagaimanakah PPK anda boleh ditamatkan?

- Apabila pinjaman-pinjaman diselesaikan lebih awal atau sepenuhnya.
- Apabila anda memohon secara sukarela untuk keluar daripada PPK
- Apabila PPK ditamatkan kerana kegagalan membuat bayaran mengikut jadual yang telah dipersetujui sebelum ini.
- Apabila dimaklumkan bahawa pelanggan PPK telah meninggal dunia.

Kesan sekiranya anda sebagai peserta PPK

- Perubahan gaya hidup diperlukan.
- Kemudahan kredit sedia ada akan dibatalkan.
- Peluang untuk mendapatkan pinjaman baru semasa anda masih berada dalam PPK akan tertakluk sepenuhnya kepada budi bicara penyedia-penyedia kredit masing-masing.

Apakah ciri-ciri untuk berjaya dalam PPK?

- Keinginan serta keazaman yang kuat untuk kembali berada pada landasan yang betul dalam meneruskan kehidupan.
- Berdisiplin dalam membuat pembayaran mengikut jadual.
- Kesanggupan berkorban pada masa kini demi kesejahteraan kewangan lebih baik pada masa depan.

Untuk maklumat lanjut mengenai perkhidmatan AKPK, sila layari laman sesawang di: www.akpk.org.my atau hubungi talian bebas tol AKPK di: 1-800-88-2575.

AKPK

Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit (729811-P)

Aras 8.2-8.9, Maju Junction Mall,
1001 Jalan Sultan Ismail,
50250 Kuala Lumpur.

www.akpk.org.my
Talian Bebas Tol: 1800-88-2575

Insurans Untuk Harta Kediaman



Sekiranya harta kediaman anda adalah di bawah pembiayaan dan diinsuranskan oleh syarikat pembiaya, anda seharusnya memastikan yang harta kediaman itu mempunyai perlindungan insurans secukupnya.

Jenis–jenis polisi insurans

Terdapat tiga jenis polisi utama untuk melindungi harta dan barangan isi rumah anda:

- **Kebakaran** – polisi ini melindungi kerugian/ kerosakan terhadap bangunan kediaman dan isi rumah anda, seperti kebakaran, kilat dan letupan gas yang digunakan untuk domestik.
- **Empunya rumah** – polisi ini melindungi bangunan kediaman, termasuk lekapan dan kelengkapan di bangunan seperti garaj, dinding, pintu pagar dan pagar daripada beberapa risiko tertentu.
- **Isi rumah** – polisi ini melindungi barangan isi rumah anda sahaja, iaitu barangan boleh alih di dalam kediaman anda daripada risiko-risiko tertentu.

Sekiranya anda ingin mendapat perlindungan yang komprehensif untuk kediaman anda dan barangan di dalamnya, anda harus membeli kedua-dua polisi empunya rumah dan polisi isi rumah.

Apa yang perlu anda tahu apabila membeli perlindungan insurans untuk harta kediaman

- Pastikan harta kediaman anda diinsuranskan secukupnya setiap masa, dan mengambil kira pengubahsuaian dan naik taraf yang telah dibuat atas harta kediaman.
- Anda perlu memilih bentuk pampasan yang anda kehendaki bagi kehilangan/kerosakan pada harta kediaman anda, sama ada berdasarkan indemniti atau pengembalian semula.
- Sekiranya harta kediaman anda adalah di bawah pembiayaan dan diinsuranskan oleh syarikat pembiaya, anda seharusnya memastikan yang harta kediaman itu mempunyai perlindungan insurans secukupnya. Biasanya, perlindungan insurans yang diambil oleh syarikat pembiaya adalah berdasarkan amaun pinjaman.
- Anda perlu memastikan bahawa jumlah diinsuranskan menggambarkan jumlah perlindungan yang diperlukan untuk menggantikan semua barangan isi rumah di dalam kediaman anda.
- Simpan dokumen-dokumen yang dapat membuktikan pemilikan dan nilai barangan yang diinsuranskan, contohnya resit pembelian, foto barangan berharga jika ada. Ia boleh membantu ketika membuat tuntutan.

Syarat purata

Sekiranya amaun diinsuranskan dalam polisi insurans anda kurang daripada kos pembinaan semula (insurans terkurang), syarat purata akan diterima pakai apabila tuntutan dibuat. Ini bermakna, anda

akan menanggung sendiri jumlah perbezaan antara nilai diinsuranskan dengan kos pembinaan.

Contoh: Jumlah kos pembinaan semula rumah ialah RM 100,000, manakala jumlah diinsuranskan hanya RM 80,000 dan jumlah kerugian ialah sebanyak RM 5,000. Syarat purata yang akan dikira ialah:-

$$\frac{\text{Jumlah dinsuranskan (RM80,000)}}{\text{Kos pembinaan semula (RM 100,000)}} \times \text{Kerugian (RM 5,000)}$$

= **RM 4,000**

Dalam contoh di atas, syarikat insurans akan hanya membayar sebanyak RM4,000 dan bukannya RM5,000 bagi kerugian yang dialami.

Tanggungjawab membeli insurans

Jika harta kediaman anda masih dalam peringkat pembinaan, insurans terhadap harta kediaman adalah di bawah tanggungjawab pemaju.

Bagi harta kediaman hak milik strata seperti pangsapuri dan kondominium, adalah mandatori bagi Syarikat Pengurusan (SP) membeli polisi insurans kebakaran untuk keseluruhan bangunan. Pemilik unit individu dikehendaki membayar bahagian premium masing-masing kepada SP.

Sekiranya anda mendapat pinjaman daripada institusi kewangan di bawah penyeliaan Bank Negara Malaysia, institusi kewangan berkenaan akan menerima polisi insurans yang sudah dibeli oleh SP, tertakluk kepada terma dan syarat.

Apa yang perlu anda tahu ketika membuat tuntutan

Jika harta kediaman anda mengalami kerosakan/ kerugian,

- Anda hendaklah memaklumkan syarikat insurans anda secara bertulis dengan memberikan butir-butir lengkap secepat mungkin.
- Anda hendaklah mengambil tindakan sewajarnya untuk memastikan agar kerosakan dan kerugian yang dialami tidak menjadi bertambah teruk.



Anda perlu memilih bentuk pampasan yang anda kehendaki bagi kehilangan / kerosakan pada harta kediaman anda, sama ada berdasarkan indemniti atau pengembalian semula.

Penyelesaian tuntutan

Jumlah pampasan bergantung pada asas perlindungan:-

- Asas indemniti akan membayar kos membaik pulih bangunan yang rosak ditolak nilai kesan lapuk dan susut nilai; atau
- Asas nilai pengembalian semula akan membayar sepenuhnya kos membaik pulih bangunan yang rosak tanpa ditolak nilai kesan lapuk dan susut nilai, tertakluk kepada jumlah yang dilindungi mencukupi untuk menampung kos pengembalian semula bangunan

Jika tiada sebarang peruntukan khusus, perlindungan adalah berdasarkan asas indemniti. Jika anda ingin mendapat perlindungan berdasarkan pengembalian semula, polisi anda harus mengandungi klausa yang relevan tertera padanya.

Ekses, iaitu jumlah kerugian yang anda perlu tanggung sebelum syarikat insurans anda membayar tuntutan anda, adalah terpakai untuk sesetengah risiko, seperti limpah tangki domestik, ribut, gempa bumi dan banjir.

Sumber: infoinsurans

Berhati-Hati Apabila Menerima Panggilan Telefon Ejen Bank



Institusi kewangan di Malaysia semakin berkembang dan berdaya saing dalam memperkenal produk mereka kepada semua lapisan masyarakat.
Seperti yang sedia maklum, kadang kala pihak institusi kewangan akan menghubungi bakal pelanggan untuk menawarkan produk mereka. Segala penerangan yang berkaitan produk mereka akan diterangkan menerusi panggilan telefon tersebut.

Menyedari tentang kelebihan saluran ini, terdapat pihak ketiga yang cuba mengambil kesempatan dengan menghubungi pengguna, dan secara sengaja memperkenal diri mereka sebagai wakil institusi kewangan bagi mengelirukan pengguna. Produk yang sering digunakan oleh mereka adalah insurans dan takaful.

Pihak ini akan memperkenal nama dan jabatan mereka sebelum memperkenal produk tersebut bagi mendapatkan kepercayaan pengguna. Kemudian, mereka akan menerangkan tentang kelebihan produk yang ditawarkan. Lazimnya pengguna perlu mengisi borang dan menandatangani dokumen berkaitan sebagai tanda setuju.

Namun, cara yang digunakan oleh pihak ini agak berlainan. Mereka hanya meminta nombor kad pengenalan dan nombor akaun bank daripada pengguna tanpa perlu mengisi apa-apa borang kerana persetujuan pengguna telah dirakam dalam perbualan tersebut. Salinan dokumen yang berkaitan juga tidak diberikan kepada pengguna seperti yang dijanjikan.

Apabila pengguna berhenti membuat bayaran, pihak ini akan menghubungi pengguna dan meminta sejumlah wang besar yang lazimnya mencecah ribuan ringgit. Pengguna turut diugut akan disenarai-hitamkan atau tindakan mahkamah akan diambil.

Pengguna yang menghadapi situasi seperti ini disarankan supaya:

1. Jangan sesekali memberikan nombor kad pengenalan dan nombor akaun tanpa bukti yang kukuh daripada pihak ini.
2. Semak dahulu sama ada nombor yang tertera di telefon bimbit anda adalah benar-benar panggilan daripada institusi kewangan yang berkenaan. Nombor telefon institusi kewangan lazimnya boleh disemak di laman sesawang institusi kewangan berkenaan.
3. Elakkan untuk menerima tawaran menerusi telefon. Adalah lebih wajar untuk terus ke institusi kewangan berkenaan bagi mengelakkan masalah, seperti penipuan.

Adalah lebih wajar jika pengguna mendapatkan khidmat nasihat atau menyemak dengan institusi kewangan yang menawarkan produk perbankan dan insurans terlebih dahulu supaya pengguna dapat mengelakkan diri mereka daripada ditipu.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Pusat Khidmat Aduan Pengguna Nasional (NCCC) di talian 03-7877 9000 atau myAduan@nccc.org.my.

Pinjaman Tidak Diluluskan



Saya baru berkahwin pada 1 Mei yang lalu. Suami saya telah pergi ke sebuah bank untuk memohon membuat pinjaman, tetapi permohonan telah ditolak tanpa memberikan alasan mengapa pinjaman kami ditolak. Gaji pokok suami saya sebanyak RM1,850. Kami ada juga terfikir untuk membuat pinjaman dengan syarikat peminjam wang tidak berlesen tetapi apabila memikirkan kesannya, kami jadi khuatir dan takut.

Saya mohon nasihat tuan untuk memberi nasihat mengenai masalah kewangan kami ini. Terima kasih.

Pengguna Dilema

Jawapannya:

Jika suatu permohonan pinjaman telah ditolak oleh pihak bank, pada kebiasaannya pihak bank seharusnya menjelaskan kepada pemohon pinjaman secara bertulis menyatakan sebab mengapa permohonan mereka ditolak. Suami puan boleh menulis secara rasmi kepada pihak bank berkenaan untuk mendapatkan penjelasan. Sekiranya, penjelasan masih tidak dapat diperoleh daripada pihak bank berkenaan, suami puan boleh mengemukakan aduan secara terus kepada pihak Bank Negara Malaysia. Sila layari laman sesawang berikut untuk mengetahui tatacara untuk membuat aduan: *http://www.bnm.gov.my/bnmlink/bm/index.htm*

Untuk makluman puan, pada kebiasaannya, terdapat dua faktor utama yang menyebabkan suatu permohonan pinjaman ditolak oleh penyedia kredit. Pertamanya, penilaian pihak penyedia kredit mendapati pemohon tidak mempunyai keupayaan kewangan yang kukuh untuk membayar balik pinjaman. Keduanya, pemohon berkemungkinan besar mempunyai rekod pembayaran pinjaman terdahulu atau semasa yang tidak memuaskan. Jika anda mempunyai rekod yang tidak memuaskan, maka peluang untuk mendapat pinjaman baru mungkin tipis. Individu di Malaysia boleh menyemak status kredit mereka dengan dua cara. Pertamanya, dengan mendapatkan laporan kredit secara percuma, atau lebih di kenali sebagai CCRIS daripada mana-mana Pejabat Wilayah dan cawangan Bank Negara Malaysia. Keduanya, mendapatkan laporan kredit daripada CTOS Sdn Bhd.

Sila layari laman sesawang CTOS untuk maklumat selanjutnya: http://www.ctos.com.my

Masalah Kewangan Anda

Anda boleh menghantarkan masalah berkaitan kewangan anda kepada **ringgit@crrc.org.my**
atau menulis kepada
Ruangan Masalah Kewangan Anda,
Ringgit,
No 1D-1 Bangunan SKPPK, Jalan SS 9A/17,
47300 Petaling Jaya, Selangor

Cari Peluang dalam apa jua Keadaan



BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

BERWASPADA DENGAN PANGGILAN DAN MESEJ PALSU

MENDAKWA panggilan dan mesej palsu itu daripada sebuah bank, penyedia utiliti atau agensi penguatkuasaan

MEMINTA anda mendedahkan nombor pin atau kata laluan peribadi anda

MEMINDAHKAN dana dengan menggunakan pelbagai helah



JANGAN PEDULIKAN mereka kerana itu satu penipuan.

JANGAN SEKALI-KALI melayan permintaan tersebut.

JANGAN menjadi mangsa.

Sekiranya anda ragu-ragu, sila hubungi kami

BNMTELELINK (Customer Service Call Centre)
1-300-88-5465
Fax: 03-2174 1515 Email: bnmtelelink@bnm.gov.my

To submit SMS enquiries or complaints, type : **BNM TANYA** [your enquiry/ complaint] and send to 15888

For more information please refer to the **Financial Consumer Alert** available on Bank Negara Malaysia's website
www.bnm.gov.my

BNMLINK (Walk-in Customer Service Centre)
Bank Negara Malaysia Kuala Lumpur (Block D, Jalan Dato' Onn, 50480) or visit BNMLINK branches in Bank Negara Malaysia: Johor Bahru, Penang, Kuala Terengganu, Kota Kinabalu and Kuching
(Business hours are: Monday - Friday, 9:00 am - 5:00 pm)

Bank Negara Malaysia
Talian Tol : **1-300-88-5465**
E-mel : **bnmtelelink@bnm.gov.my**
Laman sesawang : **www.bnm.gov.my**

Persatuan Bank-Bank Malaysia (ABM Connect)
Talian Tol : **1-300-88-9980**
E-mel : **banks@abm.org.my**
Laman sesawang : **www.abm.org.my**

Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit (AKPK)
Talian Tol : **1-800-88-2575**
E-mel : **enquiry@akpk.org.my**
Laman sesawang : **www.akpk.org.my**

Biro Pengantaraan Kewangan (BPK)
Talian am : **03-2272 2811**
E-mel : **enquiry@fmb.org.my**
Laman sesawang : **www.fmb.org.my**

Sebarang maklum balas sila e-melkan kepada ringgit@crrc.org.my